

PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE

1. Introduction

We are committed to protecting your rights under the Personal Data Protection Act 2010 (“PDPA”). This Personal Data Protection Notice (“Notice”) applies to Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (including all its subsidiaries and hereby collectively referred to as “Co-opbank Pertama”).

This Notice outlines how Co-opbank Pertama collects, uses, maintains, and discloses your personal data in respect of commercial transactions and how Co-opbank Pertama safeguards the said personal data.

This Notice is intended for individual customers and individuals within a company/enterprise that has/had a commercial relationship with us. This includes individual guarantors, directors, shareholder, authorised signatories/dealers, obligors, company secretaries, beneficial owners, or any authorised representative of the company/enterprise (the “Relevant Parties” or “You”). Please ensure that this Notice is available to the relevant parties in your company/enterprise if you represent them.

Please be informed that you are considered to be providing us with personal data in the event you request information, apply for our products and services or entering into any commercial transactions with us. By doing so, you are considered to have accepted these terms and conditions and consent to the use of your personal information by Co-opbank Pertama.

We may collect your sensitive personal data (such as data relating to your physical or mental health, the commission, or the alleged commission of offenses) if you apply for certain products of Co-opbank Pertama, which require you to disclose such sensitive personal data to us.

We will only use your sensitive personal data to provide the services for which you have subscribed. If we collect, use, maintain or disclose your sensitive personal data, we will request for your explicit consent.

Please read this Notice carefully before providing any personal data to us.

2. What personal data do we collect from you?

Personal data refers to any information that relates directly or indirectly to an individual, who is identified or identifiable from that information or other information in the possession of Co-opbank Pertama, including any sensitive personal data and expression of opinion, video recordings for security reasons, and audio recordings about the individual.

The personal data we collect include and may not be limited to:

- i. your identification details, such as name, age, occupation, marital status, place of birth, identification number (“NRIC”) or passport number, photograph or closed-circuit television (“CCTV”) recording;

- ii. your contact details, such as address (residential, office, or billing), e-mail or telephone number local or abroad;
- iii. your employment details, such as employer's name, employment history, designation, income range, and your supervisor's contact;
- iv. information on your financial standing and creditworthiness, such as your assets, income, and financial information (such as tax particular, credit history, transaction history, and debt);
- v. information about your risk profile, investments, tax and takaful, investment objectives, knowledge and experience, and/or business interests and assets;
- vi. information relating to your activities, habits, preferences, and interests arising from your use of products and services of Co-opbank Pertama, our partners or vendors;
- vii. information from your joint account holder(s) and/or parties providing security for your facilities and/or all such persons named in your application for our products and services. This includes persons named in documents submitted in support of your application including but not limited to your family members, directors, individual shareholders, authorised signatories, guarantors, and associates. You confirm and warrant that you have obtained the consent of all such individuals mentioned prior for their respective data to be processed by us; and
- viii. other personal data which may be required for us to process your transaction with us when you use our facilities or visit our premises/websites.

We will clearly indicate to you when the personal data requested is mandatory. If you choose not to provide us with any required mandatory personal data or withdraw your consent for us to process the same, we are entitled to cease the provision of the relevant products or services without us incurring any liability to you (notwithstanding any agreement between you and Co-opbank Pertama).

Other than mandatory disclosure of personal data, if you do not provide us with non-mandatory personal data, you can still subscribe to our products and services depending on the type of products and services.

3. Why do we collect your personal data?

Your personal data may be used or processed, amongst others, for the following purposes:

- i. to process any transaction, inquiry, or any other communication, as well as, to respond to your queries and complaints and resolve disputes;
- ii. to verify your creditworthiness and financial background as part of credit checking and rating for your application of any products and services;
- iii. for internal functions such as evaluating the effectiveness of marketing, market research, statistical analysis and modelling, reporting, audit and risk management;

- iv. to evaluate your financial needs, to improve/develop new products/services;
- v. to provide you with information on marketing campaigns that we or our business partners believe would be of interest to you;
- vi. to allow us, our subsidiaries, affiliated companies, service providers, and business partners to promote their products and services;
- vii. to establish a relationship between you and the bank and/or our subsidiaries companies or affiliated with us, our service providers and business partners;
- viii. for security reasons when personal data is collected using CCTV;
- ix. to enforce our legal or contractual rights, including recover debt owing by you to us;
- x. for the purpose of investigation to prevent fraud and detect crime;
- xi. to comply with any requirement of law, order of any court or tribunal, or any direction from the government or any statutory authority;
- xii. for evaluation, due diligence, and screening purposes, and
- xiii. for all other purposes incidental and associated with any of the above.

CCTV footage, photos, and/or images in particular, may also be used for quality assurance purposes, detecting and deterring crime or suspicious, inappropriate, or unauthorised use of our facilities, products, services, and/or premises and conducting incident investigations.

We may also collect/share your personal data from/with other entities within Co-opbank Pertama, agents, or strategic partners with whom we have a relationship for specific products, services, or projects.

4. How do we collect your personal data?

Your personal data may be collected when you:

- i. enter into any commercial transactions with Co-opbank Pertama including but not limited to you providing goods and/or services or your professional services;
- ii. contact Co-opbank Pertama through various methods such as visiting our premises, application forms, emails and letters, telephone calls, and conversations you have with our staff in a branch. If you contact us or we contact you using telephone, we may monitor or record the phone call for quality assurance, training, and security purposes;
- iii. transact with us for any products, services, or under any agreement including those registered at any Co-opbank Pertama websites;
- iv. participate in our customer surveys and sign up for any contests or promotions; and

v. from recordings of CCTV installed at our premises.

Personal data can also be collected from third parties

including:

- vi. sources in the financial services industry, for example, any bureaus or agencies under Bank Negara Malaysia, Malaysia Co-operative Societies Commission, Securities Commission Malaysia or other regulatory authorities, the Association of Islamic Banking and Financial Institutions Malaysia, any registered credit reporting agencies or other financial institutions;
- vii. when we obtain any data and information from third parties such as employers, joint account holders, guarantors, legal representatives, spouses, parents, guardians, dependents, and/or companies/partnerships that you hold directorships, shareholdings or partnership;
- viii. third-party service providers, for example, private employment agencies, debt collection agencies, marketing personnel/agencies or entities providing credit or background verification services; and
- ix. when we transact or contract with a corporate entity, that corporate entity may provide your personal data in connection with the transaction or agreement, for example, you may be a director, shareholder, or employee of that corporate entity; and
- x. from publicly available sources.

Personal data can also be collected from websites:

- xi. When you visit the Co-opbank Pertama website, your Internet Protocol (IP) address is automatically logged into our server. We may use the IP address to help diagnose the problem and to administer our websites.
- xii. Information obtained from your access to our website (such as your computer's IP address and cookies). We may use cookies for several purposes, such as to analyse your preference, for us to provide you with products and services, to improve our products, and/or to personalise our services to you. If you do not wish to enable cookies, you may change the settings on your browser and/or mobile device.
- xiii. A cookie is an element of data that a website can send to your browser, which may then store it on your system. We use cookies on some of our pages to store visitors' preferences and record session information. The information that we collect is then used to ensure a more personalised service level for our users. You can adjust the settings on your browser so that you will be notified when you receive a cookie. Please refer to your browser documentation to check if cookies have been enabled on your computer or to request not to receive cookies.

5. Who does Co-opbank Pertama disclose your personal data to?

We strive to provide you with effective products and services and we will hold your data with us in a confidential manner. We may in certain circumstances share your personal data with third parties (in or outside Malaysia) as follows:-

- i. Parties authorised and consented to, by you.
- ii. Companies within Co-opbank Pertama or its subsidiaries.
- iii. Companies and/or organisations that assist us in processing and/or otherwise fulfilling transactions that you have requested.
- iv. If our products or services are provided in collaboration with certain third parties, we may need to disclose your personal data to them. These third parties may include other financial institutions, service providers, or electronic fund transfer facilitators.
- v. Third parties in the ordinary course of our business, for example, third-party financial institutions, takaful operators, securities and investment services providers, industry/financial related associations.
- vi. Any nominee, trustee, co-trustee, centralised securities depository or registrar, custodian, estate agent, solicitor, or other people who are involved with the provision of services or products by us to you.
- vii. Credit reporting agencies when you apply for any of our credit-based products such as personal financing, credit card, or mortgage.
- viii. Third parties to whom we are obligated to make disclosure under the requirements of any law, by order of a court, or any tribunal or as required by the government or any statutory authority, for example, Bank Negara Malaysia, Securities Commission Malaysia, and Bursa Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia or any supervisory body or law enforcement agency. . This may also include third parties entities appointed by such statutory authorities.
- ix. Third parties who have been engaged by us to perform our business functions or to enforce our legal or contractual rights, for example, any agent, contractor, vendor, service providers, consultants, professionals, auctioneers, or valuers.
- x. Third parties are carefully selected to provide you with information about products and services that may be of interest to you.
- xi. Any third party as a result of any restructuring of facilities granted to you or the sale of debts, assets, or acquisitions by us, provided that any recipient uses your information for the same purposes as it was originally supplied to us and/or used by us.
- xii. Your intermediaries, correspondent, and agent bank, clearing houses, clearing or settlement systems, market counterparties, and any company you carry out investment services through us.
- xiii. For any proposed or actual merger, sale, transfer, or proposed transfer of any part of our interests, assets, obligations, business, and/or operations.

xiv. Lawyers, auditors, tax advisors, investment banks, and other professional advisors appointed by us.

From time to time, we may share your personal data with other entities within Co-opbank Pertama and the above parties as Co-opbank Pertama deem fit and you may receive marketing communication from us or from these other entities about products and services that may be of interest to you. If you no longer wish to receive these marketing communications, please notify us to withdraw your consent and we will stop processing and sharing your personal data with these other entities.

We will not share your personal data with third parties to send you marketing information unless you have given us your consent. Third-party marketing information may include new product launches, promotions, rebates, discounts, contests or reward programs.

6. Where does Co-opbank Pertama store and process your personal data?

The disclosure of your data may involve a transfer of your personal data to places outside of Malaysia. However, we generally store and process your personal data in Malaysia. If there is a need for us to process your personal data outside Malaysia, we will protect your personal data using standards similar to that used in Malaysia, and by providing us your personal data, you agreed to such transfer where it is required to provide the service you have requested and to performed any contractual obligations you have with Co-opbank Pertama including for storage purposes.

7. How long does Co-opbank Pertama keep your personal data?

We will only retain your personal data for as long as necessary to fulfil the purpose(s) for which it was collected or to comply with legal, regulatory and internal requirements. Afterward, we will destruct or permanently delete your data.

8. What are your rights and choices?

We are committed to ensuring that the personal data we hold about you is accurate, complete, not misleading, and up-to-date. If there are any changes to your personal data or if you believe that the personal data we have about you is inaccurate, incomplete, misleading, or not up-to-date, please contact walk in to the nearest branches so that we may take steps to update your personal data.

We will endeavour to comply with your personal data access request or personal data correction request within twenty-one (21) days from the date we receive your request complete with all necessary particulars and the prescribed processing fee (only for personal data access request) or such other prescribed time period under the PDPA.

Please note that Co-opbank Pertama may have to withhold access to your personal information in certain situations, for example when we are unable to confirm your identity or where information requested for is of a confidential

commercial nature, or in the event, we receive repeated requests for the same information. Nevertheless, we will notify you of the reasons for not being able to accede to your request. Please also note that Co-opbank Pertama may use its discretion in allowing the corrections requested and/or may require further documentary evidence of the new information to avoid fraud and inaccuracy.

Please note that the right to access or correct your personal data is not absolute but subject to the PDPA.

- You may contact us using the contact details found below. Please be aware that once we receive confirmation that you wish to withdraw your consent for marketing or promotional materials/communication, it may take up to twenty-one (21) days for your withdrawal to be reflected in our systems. Therefore, you may still receive marketing or promotional materials/communication during this period of time. Please note that even if you opt out from receiving marketing or promotional materials, Co-opbank Pertama may still contact you for other purposes concerning the accounts, facilities, or services that you hold or have subscribed to Co-opbank Pertama.

9. Enquiries

You may contact our Strategic Management & Customer Service Department at the contact details below for any inquiries or complaints regarding your personal data or to exercise any options provided to you under this Notice:

Customer Service Unit
1-300-88-7650
Wisma Co-Opbank Pertama,
No 115 Jalan Raja Muda Abdul Aziz,
Kampung Bharu,
50300 Kuala Lumpur

or alternatively, you may visit us at <https://www.cbp.com.my/>

Our privacy policy does not apply to third-party websites where our online advertisements are displayed or to linked third-party websites which we do not operate or control.

This Notice may be revised from time to time. If there is any revision to this Notice, it will be posted on our website, at our branches, or communicated to you by other suitable means.

We provide the Notice in both languages, English and Bahasa Malaysia. In case of any inconsistency between these two, the English version shall prevail.

This Privacy Notice was last updated on 25 November 2025

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

1. Pengenalan

Kami komited dalam melindungi hak-hak anda di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA"). Notis Perlindungan Data Peribadi ("Notis") ini diterima pakai untuk Co-opbank Pertama (termasuk kesemua anak syarikat (secara kolektif dirujuk sebagai "Co-opbank Pertama"))).

Notis Privasi ini menggariskan cara Co-opbank Pertama mengumpul, menggunakan, menyimpan dan menzahirkan data peribadi anda berhubung dengan urusan niaga komersial serta cara Co-opbank Pertama melindungi data peribadi tersebut.

Notis ini adalah untuk setiap pelanggan individu dan individu di syarikat yang mempunyai hubungan komersial dengan kami. Ini termasuk penjamin individu, pengarah, pemegang saham, penandatanganan yang sah, peminjam, setiausaha syarikat, pemilik berfaedah atau mana-mana wakil syarikat yang diberi kuasa ("Pihak Berkaitan" atau "anda"). Sila pastikan bahawa Notis ini tersedia untuk Pihak Berkaitan di syarikat anda jika anda mewakili mereka.

Anda memberikan data peribadi anda kepada kami semasa memohon produk atau perkhidmatan kami atau apabila anda mempunyai hubungan komersial dengan Co-opbank Pertama, oleh itu, kami juga menganggap anda telah bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat ini dan membenarkan penggunaan maklumat peribadi anda oleh Co-opbank Pertama.

Kami mungkin mengumpul data peribadi sensitif anda (termasuk data berkaitan kesihatan fizikal atau mental anda, kesalahan yang dilakukan atau dikatakan telah dilakukan dan sebagainya) jika anda memohon produk Co-opbank Pertama yang tertentu, yang menghendaki anda supaya mendedahkan data peribadi sensitif tersebut kepada pihak kami.

Kami hanya akan menggunakan data peribadi sensitif anda untuk menyediakan perkhidmatan yang anda langgani. Jika kami mengumpul, menggunakan, menyimpan atau menzahirkan data peribadi sensitif anda, kami akan mendapatkan persetujuan anda terlebih dahulu.

Sila baca Notis ini dengan teliti sebelum memberikan sebarang data peribadi anda kepada kami.

2. Apakah jenis data peribadi yang kami kumpul dari anda?

Data peribadi merujuk kepada apa-apa maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan individu, yang dikenal pasti melalui maklumat yang dimiliki oleh Co-opbank Pertama, termasuk apa-apa data peribadi sensitif dan pendapat yang dinyatakan, rakaman video atas sebab-sebab keselamatan dan rakaman audio tentang individu tersebut.

Data peribadi yang kami kumpul adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- i. maklumat pengenalan diri anda seperti nama, umur, pekerjaan, taraf perkahwinan, tempat kelahiran, nombor kad pengenalan ("NRIC") atau nombor pasport, gambar atau rakaman kamera litar tertutup,
- ii. maklumat hubungan anda seperti alamat (rumah, pejabat atau untuk penghantaran bil), e-mel atau nombor telefon didalam atau diluar Malaysia,
- iii. maklumat pekerjaan anda seperti nama majikan, sejarah pekerjaan, jawatan, julat pendapatan dan kontak penyelia anda,
- iv. maklumat mengenai status kewangan dan kelayakan kredit anda seperti aset, pendapatan dan informasi kewangan (seperti cukai pendapatan, sejarah kredit, sejarah urus niaga dan hutang),
- v. maklumat berkenaan profil risiko, pelaburan, cukai dan takaful, objektif pelaburan, pengetahuan dan pengalaman dan/atau kepentingan perniagaan dan aset anda,
- vi. maklumat berkaitan dengan aktiviti, tabiat, pilihan dan minat anda yang didapati daripada penggunaan produk dan perkhidmatan Co-opbank Pertama, rakan kongsi atau vendor kami,
- vii. maklumat daripada pemegang akaun bersama anda dan/atau pihak yang menyediakan cagaran untuk kemudahan anda dan/atau individu-individu/pihak-pihak yang disebutkan dalam permohonan anda untuk produk dan perkhidmatan kami. Ini termasuk individu yang disebut dalam dokumen yang diserahkan untuk menyokong permohonan anda termasuk tetapi tidak terhad kepada ahli keluarga, pengarah, pemegang saham individu, penandatanganan yang sah dan penjamin. Anda mengesahkan dan menjamin bahawa anda telah mendapat persetujuan semua individu yang disebutkan sebelumnya data mereka diproses oleh kami, dan
- viii. data peribadi yang lain yang mungkin dikehendaki oleh kami untuk memproses transaksi anda dengan kami, atau apabila anda menggunakan kemudahan-kemudahan kami atau melawat premis/laman web kami.
- ix. Kami dengan telitinya akan menunjukkan kepada anda sekiranya data peribadi yang dikehendaki adalah wajib. Sekiranya anda tidak bersetuju memberikan kepada kami sebarang data peribadi wajib yang dikehendaki atau menarik balik keizinan yang telah diberikan kepada kami untuk memproses data peribadi tersebut, kami berhak untuk menghentikan pemberian produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan yang relevan tanpa sebarang liabiliti oleh kami kepada anda (walau apa pun perjanjian antara anda dengan Co-opbank Pertama).
- x. Selain daripada pendedahan wajib data peribadi, jika anda tidak memberikan kami data peribadi yang tidak wajib, anda masih boleh melanggan produk dan perkhidmatan kami bergantung kepada jenis produk dan perkhidmatan.

3. Mengapa kami mengumpul data peribadi anda?

Data peribadi anda mungkin digunakan atau diproses, antara lainnya, adalah untuk tujuan-tujuan yang berikut:

- i. untuk memproses sebarang transaksi, pertanyaan atau sebarang komunikasi yang lain, menjawab pertanyaan dan aduan anda serta menyelesaikan pertikaian,
- ii. untuk mengesahkan kelayakan kredit dan latar belakang kewangan anda termasuk pemeriksaan kredit dan penilaian kepada permohonan produk dan perkhidmatan kami,
- iii. fungsi dalaman seperti menilai keberkesanan pemasaran, penyelidikan pasaran, analisis dan pemodelan statistik, pelaporan, pengurusan audit dan risiko,
- iv. untuk menilai keperluan kewangan anda, bagi menambah baik produk dan perkhidmatan kami serta untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang baru,
- v. untuk memberikan kepada anda maklumat mengenai kempen-kempen pemasaran yang kami atau rakan kongsi perniagaan kami percaya akan menarik perhatian anda,
- vi. untuk membolehkan kami, syarikat berkaitan dan atau gabungan kami, penyedia perkhidmatan dan rakan perniagaan mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka,
- vii. untuk menjalinkan hubungan antara anda dan bank dan/atau syarikat yang berkaitan atau gabungan kami, penyedia perkhidmatan dan rakan perniagaan kami,
- viii. data peribadi yang dikumpulkan dari kamera litar tertutup atas sebab-sebab keselamatan,
- ix. untuk menguatkuasa hak undang-undang atau kontrak kami, termasuk untuk menuntut hutang yang sepatutnya dibayar oleh anda kepada kami,
- x. untuk tujuan penyiasatan bagi mencegah penipuan and mengesan jenayah,
- xi. untuk memenuhi sebarang keperluan undang-undang, perintah mahkamah atau tribunal atau sebarang arahan dari kerajaan atau pihak berkuasa berkanun,
- xii. untuk tujuan penilaian, usaha wajar dan penyaringan, dan
- xiii. untuk semua tujuan sampingan atau lain yang berkaitan dengan perkara di atas.

Rakaman kamera litar tertutup, foto dan/atau gambar khususnya, juga mungkin digunakan untuk tujuan jaminan kualiti, mengesan dan mencegah jenayah atau penggunaan kemudahan produk perkhidmatan dan/atau premis kami dengan cara yang mencurigakan tidak sesuai atau tidak sah serta menjalankan siasatan insiden.

Kami mungkin mengumpul/berkongsi data peribadi anda dari/dengan entiti lain dalam Co-opbank Pertama, ejen-ejen kami dan rakan kongsi strategik kami bagi produk dan perkhidmatan tertentu.

4. Bagaimana kami mengumpul data peribadi anda?

Data peribadi anda akan dikumpul apabila anda:

- i. memeterai sebarang transaksi komersial dengan Co-opbank Pertama, termasuk tetapi tidak terhad, kepada penyediaan barangan dan/atau perkhidmatan atau perkhidmatan professional anda,
- ii. menghubungi Co-opbank Pertama menerusi pelbagai kaedah seperti melawat premis kami, borang permohonan, e-mel dan surat, panggilan telefon serta perbualan anda dengan kakitangan kami di cawangan. Jika anda menghubungi kami atau kami menghubungi anda melalui telefon, kami mungkin memantau atau merekodkan panggilan telefon tersebut untuk tujuan jaminan kualiti, latihan dan keselamatan,
- iii. berurusan dengan kami untuk sebarang produk, perkhidmatan atau di bawah sebarang perjanjian termasuk yang berdaftar di laman web Co-opbank Pertama,
- iv. mengambil bahagian dalam tinjauan pelanggan, menyertai pertandingan atau promosi kami, dan
- v. dari rakaman kamera litar tertutup yang dipasang di premis kami. Data peribadi juga boleh dikumpul daripada pihak ketiga termasuk
- vi. sumber-sumber dalam industri perkhidmatan kewangan, sebagai contoh, biro atau agensi di bawah kawalan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia atau pihak berkuasa berkanun yang lain, Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia, agensi laporan kredit berdaftar atau institusi-institusi kewangan yang lain,
- vii. apabila kami memperoleh apa-apa data dan maklumat daripada pihak ketiga yang diberi kuasa contohnya majikan, pemegang akaun bersama, penjamin, wakil-wakil pihak guaman, pasangan, ibubapa, penjaga, tanggungan dan/atau syarikat/perkongsian yang anda merupakan pengarahnya, pemegang-pemegang saham atau dalam perkongsian,
- viii. pembekal perkhidmatan pihak ketiga, sebagai contoh, agensi pekerjaan swasta, agensi pengutip hutang, pegawai/agensi pemasaran atau entiti yang memberi perkhidmatan pengesahan kredit atau latar belakang kredit,
- ix. apabila kami mengurus niaga atau membuat perjanjian dengan sesebuah entiti korporat, entiti korporat tersebut mungkin akan memberi data peribadi anda berkaitan dengan urus niaga atau perjanjian tersebut, sebagai contoh, anda

mungkin seorang pengarah, pemegang saham atau pekerja entiti korporat tersebut, dan

- x. daripada sumber-sumber umum.

Data peribadi juga boleh dikumpul daripada laman web:

- xi. Apabila anda mengunjungi laman web Co-opbank Pertama, alamat IP anda direkodkan secara automatik di dalam log pelayan kami. Kami menggunakan alamat IP anda untuk membantu mengenal pasti masalah dengan pelayan kami dan menguruskan laman web kami.
- xii. Maklumat yang diperoleh apabila anda mengakses ke laman web kami (sebagai contoh alamat IP dan kuki komputer anda). Kami mungkin menggunakan kuki untuk beberapa tujuan seperti untuk menganalisis pilihan anda, agar kami dapat menyediakan produk dan perkhidmatan kepada anda, bagi memperbaiki produk kami dan/atau untuk perkhidmatan kami yang diperibadikan untuk anda. Sekiranya anda tidak mahu mengaktifkan kuki anda boleh mengubah tetapan pada penyemak imbas dan/atau peranti mudah alih anda.
- xiii. Kuki ialah elemen data yang boleh dihantar oleh laman web kepada pelayar anda, yang kemudiannya mungkin disimpan dalam sistem anda. Kami menggunakan kuki pada beberapa laman web kami untuk menyimpan pilihan pengunjung dan merekodkan maklumat sesi. Maklumat yang kami kumpul kemudiannya digunakan untuk memastikan tahap perkhidmatan yang lebih peribadi untuk pengguna kami. Anda boleh melaraskan tetapan pada pelayar anda supaya anda akan diberitahu apabila anda menerima kuki. Sila rujuk dokumentasi pelayar anda untuk menyemak sama ada kuki dibolehkan pada komputer anda atau meminta untuk tidak menerima kuki.

5. Kepada siapa data peribadi anda didedahkan?

Kami berusaha untuk menyediakan anda dengan produk dan perkhidmatan yang berkesan dan melindungi kerahsiaan data peribadi anda dengan sulit. Kami mungkin dalam keadaan tertentu perlu menzahirkan data peribadi anda kepada pihak ketiga (didalam atau diluar Malaysia).

- i. Pihak yang diberi kebenaran dan dipersetujui oleh anda.
- ii. Syarikat-syarikat dalam Co-opbank Pertama atau yang berkaitan dengan kumpulan syarikat.
- iii. Syarikat dan/atau organisasi yang membantu kami dalam memproses dan/atau sebaliknya memenuhi transaksi yang anda minta.
- iv. Sekiranya produk atau perkhidmatan kami diberikan melalui usaha sama dengan pihak ketiga yang tertentu, kami mungkin perlu menzahirkan data peribadi anda kepada mereka. Pihak ketiga ini mungkin termasuk institusi kewangan yang lain, pembekal perkhidmatan atau pihak yang mengendalikan pemindahan dana elektronik.
- v. Pihak ketiga dalam urusan perniagaan kami yang biasa, sebagai contoh,

institusi kewangan pihak ketiga, ahli-ahli takaful, pihak yang memberi perkhidmatan sekuriti atau pelaburan, persatuan industri/kewangan.

- vi. Mana-mana penama, pemegang amanah, pemegang amanah bersama, pendaftar atau pendaftar sekuriti terpusat, penjaga, ejen harta tanah, peguam cara atau orang lain yang terlibat dengan penyediaan perkhidmatan atau produk oleh kami kepada anda.
- vii. Agensi rujukan kredit apabila anda memohon mana-mana produk kami yang berasaskan kredit seperti pembiayaan peribadi, kad kredit, gadai janji dan sebagainya.
- viii. Pihak ketiga yang mana kami mempunyai kewajipan untuk membuat penzahiran di bawah sebarang peruntukan undang-undang, perintah mahkamah atau tribunal atau seperti yang dikehendaki oleh kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa berkanun, sebagai contoh, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia atau mana-mana pihak kawalselia atau agensi penguatkuasa undang-undang. Ini juga termasuk entiti pihak ketiga yang dilantik oleh pihak-pihak berkuasa berkanun tersebut atau agensi-agensi kerajaan.
- ix. Pihak ketiga yang telah dilantik oleh kami untuk melaksanakan fungsi perniagaan kami atau untuk menguatkuasa hak undang-undang atau kontrak kami, sebagai contoh, sebarang agen, kontraktor, vendor, pembekal perkhidmatan, para perunding, para profesional, pelelong atau penilai.
- x. Pihak ketiga yang telah dipilih secara teliti untuk memberikan kepada anda maklumat mengenai produk dan perkhidmatan yang mungkin menarik perhatian anda.
- xi. Mana-mana pihak ketiga hasil daripada penyusunan semula kemudahan yang diberikan kepada anda atau penjualan hutang, atau harta atau pemerolehan oleh kami, dengan syarat mana-mana penerima menggunakan maklumat anda untuk tujuan yang sama pada asalnya ia dibekalkan kepada kami dan/atau digunakan oleh kami.
- xii. Perantara, koresponden dan ejen bank anda, rumah penjelasan, sistem penjelasan atau penyelesaian, rakan niaga pasaran dan mana-mana syarikat yang anda laksanakan perkhidmatan pelaburan melalui kami.
- xiii. Untuk sebarang penggabungan, penjualan, pemindahan atau cadangan pemindahan mana-mana bahagian kepentingan, asset, tanggungjawab, perniagaan dan/atau operasi kami.
- xiv. Peguam, juruaudit, penasihat cukai, bank pelaburan dan penasihat profesionallain yang dilantik oleh kami.

Dari semasa ke semasa, kami mungkin berkongsi data peribadi anda dengan entiti lain dalam Co-opbank Pertama dan pihak diatas sebagaimana yang difikirkan patut oleh Co-opbank Pertama, dan anda mungkin menerima makluman pemasaran daripada pihak kami

atau entiti lain tentang produk dan perkhidmatan yang mungkin menarik minat anda. Jika anda berhasrat untuk tidak mahu menerima makluman pemasaran ini, sila maklumkan kepada pihak kami untuk menarik balik persetujuan anda dan kami akan berhenti memproses dan berkongsi data peribadi anda dengan entiti lain untuk tujuan penghantaran makluman pemasaran kepada anda.

Kami tidak akan berkongsi data peribadi anda dengan pihak ketiga untuk menghantar maklumat pemasaran, kecuali sekiranya anda telah memberi keizinan anda kepada kami. Maklumat pemasaran pihak ketiga mungkin termasuk pengeluaran produk baru, promosi, rebat, diskaun, peraduan atau program penghargaan.

6. Di mana Co-opbank Pertama menyimpan dan memproses data peribadi anda?

Penzahiran data peribadi anda mungkin melibatkan pemindahan data peribadi anda ke luar Malaysia. Walaubagaimanapun, kami secara amnya menyimpan dan memproses data peribadi anda di Malaysia. Sekiranya wujud keadaan di mana kami perlu memproses data peribadi anda di luar Malaysia, kami akan melindungi data peribadi anda dengan menggunakan piawaian yang sama yang digunakan di Malaysia dan dengan memberikan data peribadi anda kepada kami, anda telah bersetuju dengan pemindahan tersebut yang diperlukan untuk menyediakan perkhidmatan yang anda minta dan untuk pelaksanaan apa-apa obligasi kontrak anda dengan Co-opbank Pertama termasuk untuk tujuan penyimpanan.

7. Berapa lama Co-opbank Pertama menyimpan data peribadi anda?

Kami hanya akan menyimpan data peribadi anda selama mana yang perlu untuk memenuhi tujuan ia dikumpulkan atau untuk mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan serta keperluan dalaman. Selepas itu, kami akan memusnahkan atau menghapuskan data anda secara terus.

8. Apakah hak-hak dan pilihan anda?

Kami komited dalam memastikan data peribadi anda yang kami simpan adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini. Jika terdapat apa-apa perubahan pada data peribadi anda atau jika anda percaya bahawa data peribadi anda yang kami pegang adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau bukan yang terkini, sila hubungi kami supaya kami boleh mengambil langkah untuk mengemas kini data peribadi anda.

- i. Anda berhak bertanya sama ada kami menyimpan data anda, meminta akses dan membetulkan data yang dipegang itu. Anda akan diminta untuk mengisi borang dan bayaran pentadbiran yang munasabah mungkin dikenakan untuk memproses setiap permintaan akses data.

Borang Permohonan Pembetulan Data Peribadi/Borang Permintaan Perkhidmatan boleh didapati dengan menghubungi Bahagian Khidmat Pelanggan atau dari mana-mana cawangan kami.

Kami akan berusaha untuk memenuhi permohonan akses data peribadi atau permohonan pembetulan data peribadi anda dalam tempoh masa 21 hari dari tarikh kami menerima permohonan anda yang lengkap dengan semua butir-butir yang dikehendaki dan fi/yuran yang diperuntukkan (hanya untuk permohonan akses data peribadi) atau tempoh masa yang lain yang diperuntukkan di bawah PDPA.

Sila ambil perhatian bahawa Co-opbank Pertama mungkin perlu menahan akses kepada maklumat peribadi anda dalam keadaan tertentu, contohnya apabila kami tidak dapat mengesahkan identiti anda atau di mana maklumat yang diminta adalah bersifat komersial yang sulit atau sekiranya kami menerima permintaan berulang untuk maklumat yang sama. Namun demikian, kami akan memberitahu anda tentang sebab-sebab kami tidak dapat memenuhi permintaan anda. Co-opbank Pertama boleh menggunakan budi bicaranya dalam membenarkan pembetulan yang diminta dan/atau mungkin memerlukan bukti dokumentari lanjut mengenai maklumat baru untuk mengelakkan penipuan dan ketidaktepatan.

Adalah dimaklumkan bahawa hak untuk mengakses atau membetulkan data peribadi anda tidak mutlak dan tertakluk kepada PDPA.

- ii. Anda boleh menghubungi kami menggunakan maklumat hubungan yang diberikan dibawah. Sila ambil maklum bahawa sebaik sahaja kami menerima pengesahantentang permintaan untuk menarik balik persetujuan anda untuk menerima bahan/makluman pemasaran atau promosi, ia mungkin mengambil masa sehingga 21 hari sebelum penarikan balik persetujuan anda dipaparkan dalam sistem kami. Oleh itu, anda mungkin masih menerima bahan/makluman pemasaran atau promosi semasa tempoh tersebut. Sila ambil perhatian bahawa walaupun anda memilih untuk tidak lagi menerima bahan pemasaran atau promosi, Co-opbank Pertama mungkin masih menghubungi anda untuk tujuan lain berhubung dengan akaun, kemudahan atau perkhidmatan yang anda pegang atau langgan dengan Co-opbank Pertama.

9. Pertanyaan

Anda boleh menghubungi Strategic Management & Customer Service Department kami melalui butir-butir yang berikut untuk sebarang pertanyaan atau aduan mengenai data peribadi anda atau untuk melaksanakan sebarang pilihan yang diberikan kepada anda di bawah Notis ini:

Unit Khidmat Pelanggan
1-300-88-7650
Ibu Pejabat
Wisma Co-Opbank Pertama,
No 115 Jalan Raja Muda Abdul Aziz,
Kampung Bharu,
50300 Kuala Lumpur

atau sebagai alternatif, anda boleh melawat kami di <https://www.cbp.com.my/>

Polisi privasi kami tidak terpakai kepada laman web pihak ketiga di mana iklan dalam talian kami dipaparkan atau dikaitkan dengan laman web pihak ketiga yang tidak diurus atau dikawal oleh pihak kami.

Notis ini boleh disemak semula dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Notis ini, ianya akan dipaparkan pada laman web kami, cawangan kami atau dimaklumkan kepada anda melalui cara lain yang bersesuaian.

Notis Privasi ini disediakan dalam versi bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Jika terdapat apa-apa ketidakselarasan antara kedua-dua versi ini, versi bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Notis Privasi ini telah dikemas kini pada: 25 November 2025